

## **MALAYSIA JUARA IPITEX 2016 DI BANGKOK, RAIH 24 PINGAT EMAS**

Bangkok, 5 Februari – Delegasi penyelidik Malaysia yang mengambil bahagian dalam Bangkok International Intellectual Property Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEX 2016) berjaya mengharumkan nama negara apabila meraih 24 pingat emas sekaligus muncul juara menewaskan 20 buah negara lain yang mengambil bahagian.

Penyertaan Malaysia yang dinaungi oleh Persatuan Penyelidikan dan Inovasi Malaysia (MyRIS) dan Persatuan Reka Cipta dan Reka Bentuk Malaysia (MINDS) menghantar 31 penyertaan keseluruhannya termasuk enam penyertaan dari pelajar sekolah rendah dan menengah.

Presiden MyRIS, Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin berkata, penyertaan bersempena Thailand Inventors Day 2016 itu juga turut menyaksikan satu produk penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Dr. Ammar Zakaria dinobatkan sebagai Best Asian Invention Awards.

Beliau yang juga Naib Canselor UniMAP turut berbangga apabila 17 penyelidik yang mewakili universiti pada pameran yang berlangsung selama empat hari berakhir semalam turut berjaya meraih 16 pingat emas dan satu pingat gangsa.

“Secara keseluruhannya delegasi penyelidik Malaysia berjaya meraih 24 pingat emas, lima pingat perak serta dua pingat gangsa dan ia merupakan langkah awal yang cukup membanggakan selaras dengan penunjuk prestasi utama yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPM) dan UniMAP awal tahun lalu,” ujar beliau dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pameran yang diadakan di Bangkok International Trade & Exhibition Centre (BITEC), Thailand itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Thailand, ACM Prajin Juntong.

Lebih 20 buah negara mengambil bahagian antaranya Russia, China, Poland, Indonesia, Iran, UK, Canada, Korea Selatan, Philippines, Romania, Taiwan, Hong Kong dan Malaysia.

UniMAP menghantar 17 penyertaan yang terdiri daripada pensyarah muda daripada pelbagai jabatan antaranya Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeogTech), Pusat Kecemerlangan Teknologi Sensor Termaju (CEASTech), Pusat Kecemerlangan Tenaga Boleh Diperbaharui (BERE), Pusat Bahasa Antarabangsa serta Pusat Pengajian Kejuruteraan (PPK) Bahan, Mikroelektronik dan Pembuatan.

Sementara itu, Dr. Ammar berkata, produk penyelidikannya "*Aquasense – Real Time and Intergrated Prawn Farming Monitoring*" merupakan satu sistem pemantauan kualiti air di dalam kolam air masin bagi ternakan udang, ikan dan lain-lain ternakan di laut.

Menurut beliau, sistem ini beroperasi melalui pemantauan secara dalam talian tanpa wayar dimana bacaan kualiti air akan dihantar ke pusat kawalan setiap 15 minit tanpa memerlukan tenaga kerja manusia di sangkar ternakan.

"Pemantaun dalam talian ini boleh dilakukan di mana-mana sahaja dengan menggunakan capaian internet dan ia merupakan satu teknologi yang diperakui boleh mengurangkan kos tenaga buruh," ujarnya ketika dihubungi.

Dikeluarkan oleh :

Unit Media UniMAP